IKRAR INTEGRITI KORPORAT

OLEH

AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD

Nota Penerangan

Ikrar Integriti Korporat menggariskan prinsip-prinsip yang perlu diterima pakai oleh badan-badan korporat bagi menunjukkan komitmen mereka ke arah mewujudkan persekitaran perniagaan yang adil, telus dan bebas dari rasuah.

Prinsip-Prinsip ini bertindak sebagai garis panduan mengenai bidang-bidang yang perlu difokuskan oleh Syarikat-Syarikat bagi memainkan peranan mereka dalam menyumbang ke arah usaha-usaha pencegahan rasuah di Malaysia, sejajar dengan objektif Bidang Keberhasilan Utama Negara iaitu "Memerangi Rasuah" di bawah Program Transformasi Kerajaan yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak.

Ikrar Integriti Korporat (2011) mewakili satu pertalian yang penting antara pembaharuan yang berlaku dalam sektor awam dan penambahbaikan secara berterusan dalam sektor swasta, untuk memacu kemajuan negara ke arah menjadi sebuah negara maju.

Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat Di Malaysia

Syarikat akan berusaha untuk mewujudkan persekitaran perniagaan di Malaysia yang berintegriti dan bebas daripada rasuah melalui tindakan-tindakan berikut:-

1. **MEMPROMOSIKAN nilai-nilai ketelusan, integriti dan tadbir urus yang baik**

   1.1 Untuk tidak membenarkan sebarang perbuatan rasuah dalam apa jua bentuk, sama ada secara langsung atau tidak langsung, di premis perniagaan dan dalam semua hubungan perniagaan, termasuk dengan pembekal, kontraktor, pelanggan dan pihak ketiga;

   1.2 Untuk memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Kod Etika pada setiap masa;

   1.3 Untuk mewujudkan budaya kerja positif yang mengutamakan integriti bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif;

   1.4 Untuk mengiktiraf dan memberi ganjaran kepada mereka yang mempunyai integriti dan etika yang tinggi; dan

   1.5 Untuk meningkatkan saluran aduan yang selamat dan boleh diakses oleh seluruh warga kerja serta lain-lain pihak bagi tujuan melaporkan perbuatan rasuah dengan penuh keyakinan dan tanpa sebarang risiko tekanan.

2. **PENGUKUHAN sistem dalaman yang menyokong pencegahan rasuah.**

   2.1 Untuk membangunkan program pencegahan rasuah bagi menjelaskan nilai-nilai, dasar dan prosedur yang akan digunakan bagi mencegah perbuatan rasuah daripada berlaku dalam semua aktiviti perniagaan;

   2.2 Untuk memperbaiki sistem serta prosedur sedia ada bagi mengelakkan sebarang amalan rasuah;

   2.3 Untuk memasukkan program pencegahan rasuah, peningkatan nilai-nilai etika dan integriti dengan memberi latihan kepada pihak pengurusan dan seluruh anggota kerja; dan

2.4 Untuk mengadakan Audit Dalaman secara berterusan bagi mengelakkan penyalahgunaan dana serta aset.

3. **PEMATUHAN undang-undang serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan memerangi rasuah**

3.1 Untuk memastikan semua undang-undang, dasar dan prosedur yang berkaitan dengan rasuah dipatuhi; dan

3.2 Untuk memastikan tadbir urus yang baik dilaksanakan, dipantau dan diamalkan, perniagaan dijalankan secara telus serta bertanggungjawab bagi mengelakkan konflik kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan salahlaku.

4. **MEMBANTERAS sebarang bentuk amalan rasuah**

4.1 Tidak bertolak ansur terhadap mana-mana pekerja atau mana-mana pihak lain yang terlibat dalam rasuah yang berkaitan dengan perniagaan, tanpa mengira kedudukan serta status; dan

4.2 Untuk melaporkan perlakuan rasuah yang berlaku di premis perniagaan kepada Pihak Berkuasa yang berkaitan.

5. **SOKONGAN kepada inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

5.1 Untuk menyokong kempen pencegahan rasuah oleh Kerajaan dan SPRM;

5.2 Untuk memberi kerjasama sepenuhnya kepada Pihak Berkuasa, agensi Kawal Selia dan SPRM, berhubung dengan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang bagi menentang rasuah;

5.3 Untuk mengatur program pencegahan rasuah secara berterusan melalui penubuhan Jawatankuasa Khas atau Jabatan Pematuhan Dan Integriti;

5.4 Untuk mewujudkan hubungan erat dengan Pihak Berkuasa dan SPRM; dan

5.5 Untuk mengadakan modul latihan secara berterusan bagi pencegahan rasuah, etika dan integriti.

Lampiran 1 – Ikrar Untuk Mendukung Prinsip-Prinsip

Ikrar Integriti Korporat – Prinsip-Prinsip Tindakan

Prinsip-Prinsip lebih daripada satu kenyataan niat semata-mata; dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat untuk mendukung prinsip-prinsip ini, badan-badan korporat adalah secara sukarela telah mengambil langkah pertama dalam program jangka panjang untuk mewujudkan sistem yang berkesan bagi meningkatkan integriti dalam sektor korporat Malaysia melalui amalan tadbir urus yang baik, termasuk langkah-langkah pencegahan rasuah.

Program jangka panjang adalah bertujuan untuk melihat badan-badan korporat bergerak ke arah penilaian kendiri, mengenal pasti jurang dan pelan tindakan untuk menutup jurang tersebut dan akhirnya membuat laporan tentang langkah-langkah pencegahan rasuah, selaras dengan Panduan Laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Prinsip ke-10 di bawah 'Global Compact'. Garis panduan ringkas mengenai hala tuju ke arah tersebut adalah seperti berikut:-



Kesan Menandatangani Ikrar Integriti Korporat

Syarikat-syarikat boleh menzahirkan komitmen mereka untuk:-

- tahap tadbir urus, ketelusan dan akauntabiliti yang tinggi;
- menyumbang ke arah penambahbaikan suasana perniagaan di Malaysia,

kepada pelabur dan pihak berkepentingan yang lain, dengan berikrar untuk mendukung Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat Di Malaysia dalam operasi perniagaan, dengan menggunakan Ikrar Integriti Korporat.

Adalah diingatkan bahawa ikrar ini merupakan satu mekanisme yang akan digunakan secara sukarela oleh Syarikat itu sendiri untuk meningkatkan kualiti tadbir urus dan tahap integriti operasi perniagaan masing-masing; dalam jangkamasa panjang akan dikuatkuasakan melalui Laporan Kendiri oleh Syarikat untuk memenuhi kehendak pihak-pihak berkepentingan.

Dengan menandatangani Ikrar Integriti Korporat atau penyenaraian mana-mana Syarikat dalam senarai penandatangan Ikrar Integriti Korporat, tidak sama sekali menunjukkan Syarikat tersebut telah diberikan pensijilan, kajian atau penilaian telah dijalankan oleh Institut Integriti Malaysia atau Pihak Berkuasa Kawal Selia atau mana-mana pihak lain yang bekerjasama dengan Syarikat tersebut, sebagai satu jaminan ke atas integriti pihak penandatangan.

Ikrar Integriti Korporat Amanah Saham Pahang Berhad

Mengiktiraf bahawa:

- Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat Di Malaysia, sebagaimana ianya boleh dipinda atau disemak dari masa ke semasa, adalah merupakan prinsip-prinsip di mana syarikat-syarikat di Malaysia perlu memberikan komitmen untuk mempromosikan integriti, ketelusan dan tadbir urus terbaik dalam semua aspek operasinya;

- Untuk menjalankan perniagaan yang bebas daripada rasuah, sejajar dengan Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat di Malaysia bagi menjaga kepentingan Syarikat dan pemegang sahamnya, di mana rasuah boleh memusnahkan nilai pegangan saham, menjejaskan keyakinan para pelabur dan menghalang perkembangan mampan Syarikat.

Bahawasanya kami, **seluruh warga kerja Amanah Saham Pahang Berhad** berikrar:-

- tidak akan sama ada secara sendiri atau wakil atau melalui mana-mana ejen melakukan apa-apa kesalahan rasuah atau sebarang bentuk penyelewengan di bawah mana-mana peruntukan undang-undang, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 atau Kanun Keseksaan;

- tidak akan menjalankan apa-apa amalan perniagaan atau aktiviti-aktiviti yang memerlukan atau menggalakkan mana-mana pekerja, wakil atau ejen untuk melakukan sebarang bentuk kesalahan rasuah;

- akan bersama-sama dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, agensi kawal selia dan agensi penguatkuasaan undang-undang bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang bebas daripada rasuah;

- akan mendukung Prinsip-Prinsip Pencegahan Rasuah Badan Korporat Di Malaysia dalam menjalankan perniagaan dan interaksi dengan pelanggan, rakan kongsi perniagaan, dan agensi Kerajaan; dan

- akan bertindak tegas terhadap mana-mana pihak yang melakukan perbuatan yang boleh menggugat integriti serta menjatuhkan imej Syarikat.

Ditandatangani Oleh:-)
(DATO' HAJI MOHD ALI HANAFIAH BIN SH RUJI)
Bagi Pihak Syarikat
Amanah Saham Pahang Berhad

.....
Pengurus Besar

Tarikh : 18 Disember 2013